

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
(TANJONG KARANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.05.2016

Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah keberkesanan Pusat Latihan MAS yang telah dibina dan adakah pusat latihan tersebut memberi latihan kepada 6000 orang pekerja yang telah diberhentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Khazanah Nasional Bhd sebagai pemegang saham syarikat baharu, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah menubuhkan Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC) pada 1 Jun 2015 dalam usaha

membantu bekas kakitangan syarikat lama, Malaysian Airline System Bhd (MAS) untuk beralih ke fasa baharu dalam kehidupan masing-masing selepas meninggalkan syarikat penerbangan negara tersebut.

Sebagai sebuah organisasi peralihan, matlamat utama CDC adalah untuk menawarkan penempatan dan perkhidmatan latihan secara percuma termasuk pemprofilan bakat, kaunseling kerjaya, latihan asas dan terperinci, kemahiran pencarian kerjaya, keusahawanan, perancangan persaraan serta penempatan bagi mempersiapkan diri peserta yang berdaftar dengan CDC untuk menghadapi masa hadapan.

Memandangkan CDC merupakan sebuah organisasi peralihan dan bukannya agensi mencari pekerjaan, kayu pengukur bagi keberkesanan CDC adalah berdasarkan kejayaannya untuk meningkatkan kebolehpasaran golongan ini dengan mempersiapkan mereka dengan kemahiran tertentu dan bukan berdasarkan jumlah pekerjaan yang berjaya diperolehi untuk bekas kakitangan MAS.